


# Bantuan khas penjawat awam



**NAJIB TUN RAZAK** menunjukkan buku 'Melakar Wajah Baharu Perkhidmatan Awam - 8 Prinsip Pemangkin Kecemerlangan' yang dilancarkannya dalam Majlis Perdana Perkhidmatan Awam Ke-14 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya, semalam. Di sebelah beliau Muhyiddin Yassin dan Dr. Ali Hamsa. - BERNAMA

Oleh **SAIFULIZAM MOHAMAD**

pengarang@utusan.com.my

■ **PUTRAJAYA 17 JUN**

**P**ENJAWAT awam hari ini menerima khabar gembira apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengumumkan pemberian bayaran bantuan khas kewangan sempena Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri sebanyak RM500 untuk gred 54 ke bawah.

Bagi penjawat awam gred 41 dan ke bawah pula mereka mendapat khabar gembira berganda apabila Perdana Menteri turut mengumumkan kenaikan kadar terendah elaun imbuhan tetap perumahan iaitu daripada RM180 sebulan kepada RM300 sebulan.

Najib berkata, tidak terkecuali bantuan khas kewangan sempena Ramadan dan hari raya itu juga dinikmati oleh lebih 700,000 pesara kerajaan yang menerima pencen dengan bayaran RM250.

"Pembayaran bantuan khas kewangan ini akan dibuat pada 25 Jun membabitkan anggaran implikasi kewangan RM1 bilion," katanya.

Beliau mengumumkan dua khabar gembira itu ketika berucap pada Majlis Perdana Perkhidmatan Awam Ke-14 (MAPPA XIV) bertempat Mendepani Realiti Baharu Negara: Pertumbuhan Melalui Produktiviti dan Inovasi di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini.

Yang turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin; Menteri-Menteri Kabinet; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal.

Berhubung kenaikan kadar terendah elaun imbuhan tetap perumahan, Najib berkata, kadar baharu itu berkuatkuasa 1 November ini, melibatkan lebih 1.1 juta kaki-tangan awam (gred 41 ke bawah).

Beliau berkata, keputusan itu membabitkan implikasi kewangan sebanyak RM1.04 bilion setahun.

"Bagi penjawat awam yang mendiami kuarters pula yang selama ini tidak menikmati imbuhan tetap tersebut, mereka turut mendapat faedah sebanyak 25 peratus daripada kadar imbuhan tetap perumahan sebenar yang layak bagi mereka," katanya.

## info

### **Antara usaha penambahbaikan perkhidmatan awam**

- > Menaikkan gaji penjawat awam antara 7 peratus hingga 13 peratus (2012)
- > Menaikkan pencen minimum daripada RM720 kepada RM820 (2012)
- > Menyetarakan pangkat-pangkat

dalam perkhidmatan ATM dan PDRM dengan gred jawatan Perkhidmatan Awam Am (2013)

- > Menambahbaik skim-skim perkhidmatan melibatkan penambahbaikan 81 skim perkhidmatan (2013)
- > Melancarkan Skim Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M)(2013)

### **Kejayaan perkhidmatan awam dalam produktiviti dan inovasi**

- > Pengeluaran passport dalam tempoh satu jam
- > Pelancaran 1Malaysia One Call Centre (1MOCC)
- > Projek Pusat Latihan 1Malaysia (1MTC)
- > Penubuhan Pusat Transformasi Bandar (UTC) dan

## **PENAMBAHBAIKAN PERKHIDMATAN AWAM**

- Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC)
- > Penubuhan Pusat Jantung, Hospital Umum Sarawak

### **11 prinsip pekerja berinovasi**

- > Membudayakan ilmu
- > Kebolehpercayaan,
- > Mempraktikkan amalan kerja terbaik

- > Semangat patriotik
- > Budaya keberhasilan
- > Kreativiti dan inovasi
- > Nilai tambah dan kompetensi
- > Permuafakatan kerja
- > Integriti
- > Penjenamaan
- > Keberterusan